

PM tempelak pembangkang perguna Qunut Nazilah

Ipoh: Datuk Seri Anwar Ibrahim menempelak tindakan pembangkang yang menggunakan doa, khususnya Qunut Nazilah, sebagai alat politik.

Perdana Menteri berkata, doa tidak sepatutnya dibacakan untuk tujuan melaknat kerajaan semata-mata tidak sependapat dalam soal politik seperti ditegur golongan mufti.

Beliau turut mempersoalkan pendirian golongan terbabit berhubung tindakan kerajaan dipimpin perdana menteri sebelum ini yang membenarkan kapal Israel masuk dan berlabuh di Malaysia.

“Doa ini bukan politik sebab itu mufti beri pandangan. Ini kata kita tak setuju doa... siapa kata kita tidak setuju doa? Hari-hari kita doa, lepas solat kita doa, tapi bukan doa melaknat

orang lain,” katanya ketika berucap pada Kenduri MADANI di Pusat Kegiatan Komuniti Taman Perpaduan Koperasi 2 Tambun, di sini, semalam.

Pada persidangan Dewan Rakyat baru-baru ini, Ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN) mengaminkan bacaan doa Qunut Nazilah selepas Dewan Rakyat menggantung Ahli Parlimen Machang, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad, selama enam bulan.

Wan Ahmad Fayhsal digantung daripada menghadiri persidangan susulan dakwaannya mengenai surat layang dikatakan mengandungi maklumat berkaitan dalang sebenar di sebalik pengambilalihan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

Keputusan penggantungan



Anwar menyantuni pelajar tahfiz pada Kenduri MADANI di Tambun, semalam.

(Foto BERNAMA)

itu diumumkan Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul, selepas usul berkenaan mendapat sokongan majoriti dalam undi belah bahagi, dengan 110 Ahli Parlimen bersetuju dan 63 tidak bersetuju, manakala tiga tidak mengundi dan 46 tidak hadir.

Bacaan doa Qunut Nazilah itu diketuai Ahli Parlimen Jasin, Zulkifli Ismail, yang juga Timbalan Ketua Dewan Ulama PAS Pusat.

Tindakan itu mendapat maklum balas daripada pelbagai pihak termasuk Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, yang menyifatkan bacaan Qunut Nazilah untuk mendoakan kehancuran se-

teru politik sebagai amalan ekstremis dan pelampau.

Bagaimanapun, Wan Ahmad Fayhsal menafikannya tindakan itu, sebaliknya menegaskan bacaan doa itu ditujukan kepada penyokong genosid seperti syarikat pelaburan BlackRock.

Anwar turut mempersoalkan mengapa Ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN) tidak membacakan doa Qunut Nazilah ketika zaman pentadbiran bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang melaburkan wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kira-kira RM600 juta kepada BlackRock.

“Ketika 2020, PN, PAS dan Bersatu, dia bagi BlackRock RM600

juta, duit mana? Duit KWSP, kenapa ketika itu tak salah, kenapa tak baca doa Qunut Nazilah?”

“Kamu bagi kapal Israel masuk tak ada doa. Ya, saya mesti suarakan. Selalu saya tak jawab, biar orang lain jawab, PM jangan jawab, PM kena cakap baik-baik, tetapi saya kena cerita dengan orang Tambun.

“Bila kita hentikan kapal Israel masuk? 2023. Bila kapal Israel masuk? 2002 semasa Tun Dr Mahathir jadi PM (kemudian diteruskan) semasa Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob masa itu ada PAS dan BERSATU (dalam kerajaan),” katanya.